

31 AUG 2001

Bendera-Cacat

KECACATAN PADA BENDERA MALAYSIA PERLU DIBETULKAN, KATA MENTERI

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Bendera Malaysia yang telah dikibarkan dengan bangganya selama 44 tahun kemerdekaan negara bertujuan menanam kebanggaan dan hormat rakyat kepada negara tetapi kebanggaan itu akan hilang jika wujud kecacatan -- walaupun kecil -- daripada struktur asal "Jalur Gemilang".

Begitulah yang terjadi pada bendera-bendera Malaysia yang dikibarkan di bulatan Jalan Semangat dan Jalan Universiti di Petaling Jaya.

Bintang berwarna kuning yang mengandungi 14 mata yang melambangkan perpaduan 13 buah negeri dalam persekutuan dan lambang kerajaan pusat yang berbentuk bulan sabit berwarna kuning (simbol Islam) di tempatkan disebelah kiri bulan sedangkan bintang patut dipasang dikanan bulan.

"Ia sama seperti mencemarkan bendera kebangsaan," kata seorang rakyat Malaysia yang enggan namanya disiarkan dengan nada kesal kepada Bernama.

Bagaimanapun Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir ketika ditemui pemberita pada sambutan Hari Kebangsaan di sini ahri ini berkata ia mungkin satu kesilapan dan bukan disengajakan.

Abdul Kadir berkata kesilapan itu mungkin berpunca daripada pihak yang membuat bendera berkenaan ingin menyiapkannya secara tergesa-gesa.

Katanya kesilapan seperti itu perlu dibaiki pada masa akan datang.

"Bagaimanapun itu mungkin perkara yang kecil sahaja, yang pentingnya orang ramai mengibarkan Jalur Gemilang yang membuktikan semangat kebangsaan mereka," katanya.

Jalur Gemilang adalah nama bendera Malaysia yang telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam 31 Ogos 1997 sempena Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-40 di Dataran Merdeka.

Katanya semangat patriotisme di kalangan rakyat negara ini masih tetap segar pada setiap kali sambutan apabila hampir sebahagian besar masyarakat berbangga mengibarkan Jalur Gemilang.

Abdul Kadir berkata tinjauannya di sekitar ibu negara selepas sambutan perayaan Ambang Merdeka malam tadi sehingga pagi ini, mendapati kebanyakan orang ramai terutamanya generasi muda berbanggan membawa bendera kebangsaan itu.

"Sikap seperti ini yang membanggakan kita, malah sejak kempen mengibarkan Jalur Gemilang untuk Hari Kebangsaan tahun ini dilancarkan, orang ramai mula mengibarkan Jalur Gemilang walaupun pada awalnya kurang mendapat sambutan," katanya.

Abdul Kadir berkata semangat mengibarkan Jalur Gemilang selain membuktikan rasa patriotisme, juga dapat menyatu-padukan rakyat berbilang kaum di negara ini dengan satu semangat serta bangsa Malaysia.

Sikap masyarakat dan pertubuhan yang memasang dan mengibarkan Jalur Gemilang di bangunan kediaman dan perniagaan, pokok, tiang lampu serta kenderaan setiap kali sambutan Hari Kebangsaan menjadi satu tradisi yang membanggakan.

Mengenai sambutan Hari Kebangsaan kali ini, beliau berkata perayaan seperti ini yang menjadi tradisi kepada negara sejak mencapai kemerdekaan dapat menarik minat orang ramai menyaksikan perarakan dengan lebih dekat, sekaligus menyatu padukan rakyat pelbagai kaum.

Katanya pelancong asing juga mengambil kesempatan daripada perarakan Hari Kebangsaan untuk melawat ke negara ini.

"Dengan pelbagai aktiviti sempena sambutan Bulan Kemerdekaan, semangat muhibah seperti ini yang kita sangat harapkan," katanya.

-- BERNAMA
RZS ES LAT